

**UCAPAN Y.A.B. MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN  
LUAR BANDAR DIATAS KEPALA S.61  
ANGGARAN PERBELANJAAN BIASA MALAYSIA  
BAGI TAHUN 1967 DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**Tuan Pengerusi,**

**S**aya meminta kebenaran mengemukakan Kepala Perbelanjaan 61 bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Ahli-ahli yang terhormat sedia maklum iaitu bagi tahun 1967, jumlah perbelanjaan di bawah Kepala tersebut ialah sebanyak \$10,552,050. Jumlah ini adalah menunjukkan kekurangan sebanyak \$817,344 daripada perbelanjaan bagi tahun yang lalu. Kekurangan perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh kekurangan perbelanjaan mengenai Penempatan Pengumpulan semula di negeri-negeri Malaysia Timur oleh kerana, dengan izin Tuhan, konfrontasi Indonesia sudah tamat. Kekurangan ini juga adalah dibuat menurut dasar Kerajaan untuk berjimat cermat dengan bersungguh-sungguh.

Sebagaimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya senantiasa menjalankan usaha-usaha pembangunan negara dan luar bandar terutama sekali untuk memperbaiki dan meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar, dan usaha-usaha ini adalah dijalankan dengan pesatnya terus menerus dari semasa ke semasa sehingga taraf ekonomi dan masyarakat rakyat luar bandar itu sampai ke peringkat yang seimbang dengan rakyat yang diam di bandar-bandar.

Bagi hendak menentukan segala kejayaan-kejayaan yang dicapai serta merancang tindakan-tindakan selanjutnya, Kementerian saya telah menubuhkan satu cawangan penyelidikan, penilaian dan latihan dengan diketuai oleh seorang pegawai anak negeri yang telah mendapat latihan yang cukup dan sesuai untuk menjalankan tugas-tugas ini dan dibantu pula oleh seorang pakar yang mahir dari luar negeri.

Kerajaan telah juga melancarkan satu rancangan yang diberi nama Gerakan Maju ataupun Rancangan Pembangunan Masyarakat untuk meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk luar bandar. Usaha dan tenaga rakyat adalah faktor yang paling penting dan usaha dan tenaga rakyat ini juga hendaklah disatupadukan dengan usaha dan tindakan daripada pihak Kerajaan. Dengan itu Kerajaan telah melancarkan Gerakan Maju ini dalam tahun yang lalu dengan tujuan untuk melipat gandakan lagi usaha dan tenaga rakyat serta bersama-sama disatupadukan dengan usaha dan tindakan Kerajaan di segala peringkat untuk mendapatkan kejayaan-kejayaan yang lebih lagi bagi rakyat sekalian.

Tidak perlulah saya menghuraikan dengan panjang lebar di atas usaha-usaha Kerajaan yang telah dan sedang dilaksanakan untuk meninggikan taraf hidup rakyat oleh kerana segala kemajuan-kemajuan ini boleh dilihat di mana-mana juga di serata pelusuk tanahair.

**Tuan Pengerusi,**

Dengan izin tuan, saya suka menerangkan lebih lanjut berkenaan perbelanjaan di bawah Kepala Perbelanjaan yang sedang dibahaskan sekarang. Di bawah Bahagian Am Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tidak ada tambahan mengenai jawatan-jawatan. Sedikit tambahan di dalam anggaran tahun ini ialah daripada kenaikan gaji tahunan pegawai-pegawai. Lima jawatan yang ditunjukkan di bawah Majlis Amanah Rakyat iaitu di muka 516 ialah meliputi jawatan-jawatan pegawai-pegawai kerajaan yang dipinjamkan kepada Majlis itu. Gaji dan elaun mereka adalah dibiayai oleh Majlis Amanah Rakyat itu sendiri.

Manakala dua jawatan lagi iaitu butiran-butiran (56) dan (57) adalah jawatan-jawatan pegawai kerajaan yang telah dipinjamkan kepada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan. Gaji dan elaun mereka juga seperti pegawai-pegawai yang dipinjamkan kepada Majlis Amanah Rakyat adalah dibiayai oleh Lembaga tersebut.

Sekarang saya beredar pula kepada Anggaran Perbelanjaan di bawah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pelajaran Dewasa dalam Kementerian saya. Tambahan di bawah gaji adalah disebabkan oleh satu jawatan baru iaitu Pegawai Penyelidikan, Penilaian dan Latihan dalam butiran (31), yang telah diwujudkan untuk mengetuai Bahagian Penyelidikan, Penilaian dan Latihan.

Tuan Pengerusi,

Mengenai jawatan-jawatan dan lain-lain perbelanjaan pegawai-pegawai di bawah Kementerian saya di Malaysia Timur telah dimasukkan di bawah butiran (58) hingga (105) termasuklah Pejabat-pejabat Kemajuan Negeri Sarawak dan Negeri Sabah, Pejabat-pejabat Pelajaran Dewasa bagi kedua-dua negeri ini serta Pejabat Penempatan dan Pengumpulan semula Malaysia Timur. Bagi Pejabat Penempatan dan Pengumpulan Semula mungkin akan dikurangkan kakitangannya dari semasa ke semasa mengikut keadaan keselamatan dalam kedua-dua negeri tersebut.

Tuan Pengerusi,

Sekarang saya suka membawa pandangan Ahli-Ahli yang Berhormat kepada lain-lain perbelanjaan di bawah Kementerian saya. Pada tahun ini satu jumlah peruntukan sebanyak \$300,000/- telah ditetapkan untuk Taman-taman Latihan Wanita di Malaysia ini. Di dalam Taman-taman Latihan Wanita ini Kerajaan menjalankan kursus-kursus bagi melatih guru-guru perempuan yang dipilih daripada kampung-kampung di seluruh Malaysia untuk berlatih dalam Pelajaran Urusan Rumahtangga bagi bertugas sebagai guru-guru yang mengajar di kelas-kelas Pelajaran Dewasa Bahagian Urusan Rumahtangga di merata-rata kampung di negeri ini. Bolehlah dikatakan rancangan ini telah mendapat sambutan yang sangat baik daripada penduduk-penduduk luar bandar.

Kementerian ini juga akan terus menjalankan kursus-kursus latihan untuk Penghulu-penghulu dan Pemimpin-pemimpin Kampung di bawah Rancangan Pembangunan Masyarakat. Peruntukan bagi tahun 1967 mengikut Pecahan Kepala 9 muka 520 ialah \$25,000/- - \$5,000/- lebih daripada peruntukan tahun lalu.

Bantuan sebanyak \$70,000/- akan diberi kepada Persekutuan Perkumpulan Perempuan Se Malaysia dalam Pecahan Kepala (31). Seperti yang telah diterangkan pada tahun yang lepas, Kementerian ini menganggap Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Se Malaysia adalah satu pertubuhan yang mempunyai tujuan yang sama dengan Rancangan Pelajaran Dewasa Kerajaan dalam bidang Pelajaran Ekonomi Rumahtangga. Inilah sebabnya rancangan ini dikelolakan oleh Kementerian saya.

Pecahan Kepala (32) menunjukkan peruntukan \$10,000/- kerana Peraduan Kemajuan di antara Jawatankuasa-jawatankuasa Kemajuan Kampung. Peraduan ini bertujuan untuk menimbulkan semangat bertanding sesama sendiri untuk meninggikan taraf hidup mereka di bawah Rancangan Gerakan Maju.

Mengenai Kepala Kecil (33) pula, Tuan-tuan Yang Berhormat terlebih maklum bahawa Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji atau Tabung Haji telah mendapat sambutan yang cemerlang daripada penduduk-penduduk daripada orang-orang Islam di negara kita. Kutipan yang diterima daripada penyimpan-penyimpan yang berjumlah lebih daripada 29,100 orang pada akhir bulan Disember, tahun 1966 ialah \$4,771,000. Manakala wang simpanan berupa harta/saham adalah berjumlah \$2,879,000/-. Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji atau Tabung Haji akan juga mengeluarkan bonus bagi tahun 1966 dengan persetujuan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Perbendaharaan kepada penyimpan-penyimpan, dan bonus yang dikeluarkan itu akan disimpan dalam kira-kira penyimpan yang berkenaan. Pada awal tahun 1967 ini penyimpan-penyimpan yang hendak menunaikan Fardu Haji melalui Tabung Haji adalah berjumlah lebih daripada 900 orang. Rancangan Tabung Haji ini telahpun diperluaskan ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Dengan perkembangannya ke Malaysia Timur ini, maka terpaksa Perbadanan itu mendapat bantuan lagi daripada Kerajaan Pusat kerana Perbadanan ini belum lagi kukuh untuk menjalankan rancangan-rancangannya dengan sendiri.

Perbelanjaan yang lain itu adalah mengenai perbelanjaan-perbelanjaan biasa yang dibelanjakan pada tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi,

Saya membawa cadangan ini.